



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
(Perbadanan) St. John Ambulan Malaysia 1971
DR.115/1971

**RANG UNDANG² (PERBADANAN) ST. JOHN
AMBULAN MALAYSIA**

SUSUNAN FASAL²

Fasal

1. Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Memperbadankan Persatuan² St. John dan Briged² Malaya, Sabah dan Sarawak.
4. Tujuan Perbadanan.
5. Tujuan dan maksud² Perbadanan.
6. Majlis.
7. Meteri Perbadanan.
8. Daftar ahli².
9. Kaedah².
10. Pembubaran Persatuan dan Briged.
11. Memindahmilk harta dan tanggungan, dsb.
12. Menggunakan pendapatan dan harta.
13. Sekatan atas penjualan lenchana, dsb., Perbadanan.
14. Pemilikan dan sekatan atas menggunakan lenchana.
15. Sekatan atas penggunaan "St. John", dsb. untuk maksud² iklan.
16. Penalti.

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi memperbadankan St. John Ambulan Malaysia dan bagi maksud² yang berkenaan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta (Perbadanan) St. John Ambulan Malaysia, 1971 dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*. Tajok ringkas dan mula ber-kuatkuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Briged” erti-nya Briged St. John Ambulan Malaysia Barat, Sabah atau Sarawak;

“Majlis” erti-nya Majlis St. John Ambulan Malaysia yang di-tubuhkan di-bawah Kaedah²-nya;

“Menteri” erti-nya Menteri yang bertanggungjawab atas kesihatan;

“Perbadanan” erti-nya St. John Ambulan Malaysia; dan

“Persatuan” erti-nya Persatuan St. John Ambulan Malaysia Barat, Sabah atau Sarawak.

3. (1) Orang² yang menjadi ahli Persatuan atau ahli Briged atau ahli kedua² Persatuan dan Briged itu sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa dan semua orang yang menjadi ahli Perbadanan sa-lepas ini menurut peruntukan² Akta ini atau mana² Kaedah² yang di-buat di-bawah-nya hendak-lah menjadi suatu pertubohan perbadanan dengan nama St. John Ambulan Malaysia. Memper-
badankan
Persatuan²
St. John dan
Briged²
Malaya,
Sabah dan
Sarawak.

(2) Perbadanan hendak-lah kekal turun temurun dan boleh membuat kontrek, dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa² jenis harta aleh dan harta takaleh dan boleh memindahak, memindah-milek, menyerahak, menyerahbalek dan memulang, menggadai, menggadaijanji, mendemais, menyerahak sa-mula atau dengan sa-chara lain melepaskan, atau membuat apa² urusan mengenai apa² harta aleh atau harta takaleh yang terletak pada Perbadanan mengikut apa² syarat yang di-fikirkan patut oleh Perbadanan.

(3) Perbadanan boleh mendakwa dan di-dakwa dalam semua mahkamah dan dengan segala chara tindakan dan dalam segala guaman dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkenaan dengan sa-suatu pertubohan perbadanan.

Tujuan
Perbadanan.

4. Tujuan Perbadanan ia-lah untok mengadakan suatu pertubohan yang terbuka kepada semua orang dalam Malaysia bagi membolehkan mereka melaksanakan tujuan dan maksud² Perbadanan yang tersebut dalam sekshen 5, dan bagi melakukan segala perkara lain sa-bagaimana yang di-sifatkan oleh Perbadanan atau Majlis-nya sa-bagai bersampingan atau berfaedah bagi menchapai tujuan² itu.

Tujuan dan
maksud²
Perbadanan.

5. Tujuan dan maksud² Perbadanan ia-lah bagi—

(a) menggalak dan memajukan semua kerja kemanusiaan dan kedermawanan untok membantu orang² dalam kesakitan, kesedehan, penderitaan dan bahaya tanpa membeza²kan bangsa, kelas, warna atau keperchayaan;

(b) memberi pertolongan kepada orang² sakit dan chedera dalam peperangan atau keamanan dan memajukan pertubohan² kekal itu dalam masa keamanan supaya pertolongan itu dapat di-adakan dengan segera dalam masa kechemasan dan pertolongan itu hendak-lah termasuk mengadakan simpanan² teknik bagi perkhidmatan² perubatan Kerajaan dan angkatan tentera Malaysia;

(c) memajukan, menggalak dan menyelaraskan kerja Perbadanan dalam semua aspek dalam Malaysia; dan

(d) memajukan, menggalak dan menyelaraskan perhubungan² di-antara mereka dan pertubohan² sa-umpama-nya yang bernama St. John di-negara²

lain, Pertubohan Palang Merah dan lain² pertubohan sukarela atau berkanun yang sa-umpamanya.

6. (1) Hal ehwal Perbadanan hendak-lah di-tadbirkan oleh suatu Majlis yang di-tubuhkan menurut Kaedah² Perbadanan pada masa itu. Majlis.

(2) Walau apa pun peruntukan sekshen-kechil (1), Majlis St. John Malaysia Barat yang di-tubuhkan di-bawah Perlembagaan dan Kaedah² Persatuan dan Briged sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa hendak-lah mentadbirkan hal ehwal Perbadanan sa-lama tempoh tidak lebeh daripada satu tahun dari mula berkuatkuasa-nya Akta ini.

7. (1) Perbadanan hendak-lah mempunyaï suatu meteri dan meteri itu boleh dari sa-masa ka-samasa di-pechahkan, di-tukar, di-ubah dan di-buat baharu mengikut sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Perbadanan. Meteri
Perbadanan.

(2) Segala suratikatan, suratan dan lain² suratchara yang memerlukan meteri Perbadanan hendak-lah di-meterikan dengan meteri Perbadanan menurut suatu ketetapan Majlis bagi maksud itu di-hadapan orang² yang pada masa itu menjalankan kewajipan² Pengerusi Majlis dan di-hadapan sa-orang lain yang di-beri kuasa oleh Majlis dan mereka hendak-lah menandatangani tiap² suratikatan, suratan atau lain² suratchara yang di-meterikan itu, dan tandatangan itu hendak-lah menjadi keterangan yang chukup bahawa meteri itu telah di-chapkan dengan sempurna dan sa-patut-nya dan bahawa meteri itu ada-lah meteri Perbadanan yang sah.

8. (1) Majlis hendak-lah mengarah di-senggara suatu daftar dalam mana nama tiap² orang yang telah menjadi ahli Persatuan atau Briged sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa atau yang boleh di-benarkan menjadi ahli Perbadanan kemudian-nya akan di-rekodkan dan dalam mana akan di-rekodkan apa² perkara lain yang di-tentukan dari sa-masa ka-samasa oleh Majlis. Daftar ahli².

(2) Daftar itu boleh di-senggara mengikut apa² chara yang di-putuskan oleh Majlis dari sa-masa ka-samasa dan kewajipan menyenggara bahagian² daftar itu boleh di-wakulkan kapada mana² ahli atau pegawai Perbadanan.

Kaedah².

9. Ada-lah sah bagi Majlis dari sa-masa ka-samasa membuat, mengubah atau membatalkan mana² kaedah² sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya mustahak bagi menguruskan hal ehwal Perbadanan dan bagi menchapai tujuan²-nya, dan sa-siapa jua yang pada masa itu menjadi ahli Perbadanan ada-lah terikat kapada segala kaedah² itu.

Pembubaran
Persatuan
dan Brigid.

10. Walau apa pun yang terkandung dalam Perlembagaan dan Kaedah² Persatuan dan Brigid, Persatuan dan Brigid hendak-lah di-bubarkan dan terhenti wujud-nya sa-lepas sahaja Akta ini mula berkuatkuasa.

Memindah-
milk
harta dan
tanggungan,
dsb.

11. (1) Segala harta kepunyaan Persatuan atau Brigid sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa, sama ada di-pegang atas nama Persatuan atau Brigid atau atas nama mana² orang atau orang² sa-bagai amanah bagi Persatuan atau Brigid hendak-lah apabila Akta ini mula berkuatkuasa dan tanpa apa² pindahhak, serahak atau pindahmilk, terletakhak kapada Perbadanan, dan harta tersebut serta segala harta yang di-perolehi kemudian-nya sama ada harta aleh atau harta takaleh, dan segala yuran, charum, derma, denda, jumlah pinjaman dan pendahuluan yang di-terima atau yang akan di-terima hendak-lah di-pegang oleh Perbadanan bagi maksud² Akta ini dan tertaklok kapada Kaedah² Perbadanan pada masa itu.

(2) Segala hutang dan tanggungan Persatuan atau Brigid yang sedia ada sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa hendak-lah di-bayar oleh Perbadanan, dan segala hutang dan yuran yang kena di-bayar kapada Persatuan atau Brigid sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa hendak-lah di-bayar kapada Perbadanan.

Mengguna-
kan
pendapatan
dan harta.

12. Pendapatan dan harta Perbadanan, walau dari mana jua pun di-dapati, hendak-lah di-gunakan sa-mata² bagi memajukan tujuan² Perbadanan sa-bagaimana yang tersebut dalam Akta ini, dan tiada apa² bahagian-nya boleh di-bayar atau di-pindahmilk dengan sa-chara langsung atau sa-chara tidak langsung sa-bagai dividen, bonos atau dengan chara apa jua sa-bagai keuntongan kapada ahli² Perbadanan:

Dengan syarat bahawa tiada apa² jua yang terkandung di-dalam ini boleh menghalang pembayaran dengan suchi hati saraan kapada mana² pegawai atau penjawat Perbadanan atau kapada sa-siapa sa-bagai balasan bagi apa² perkhidmatan yang sa-benar-nya di-beri kapada Perbadanan.

13. Tiada sa-siapa jua, lain daripada Perbadanan atau sa-saorang yang di-beri kuasa dengan bertulis untok berbuat demikian oleh Perbadanan boleh menjual atau mendedah untok di-jual apa² lenchana, tanda atau lambang yang khusus-nya di-terima untok di-guna oleh sa-saorang ahli di-bawah Kaedah² Perbadanan.

Sekatan atas penjualan lenchana, dsb., Perbadanan.

14. (1) Tiada sa-siapa jua, yang bukan sa-orang ahli, boleh memakai, membawa atau menunjokkan di-tempat awam sa-chara yang akan memberi faham bahawa orang itu adalah sa-orang ahli apa² lenchana, tanda atau lambang yang khusus-nya di-terima untok di-guna oleh sa-saorang ahli di-bawah Kaedah² Perbadanan.

Pemilekan dan sekatan atas menggunakan lenchana.

(2) Tiada sa-siapa jua boleh memileki tanpa kuasa atau sebab yang sah—

(a) apa² tanda yang hampir² sa-rupa dengan mana² lenchana, tanda atau lambang yang khusus-nya di-terima untok di-guna oleh sa-saorang ahli di-bawah Kaedah² Perbadanan hingga membawa kapada keperchayaan bahawa tanda yang berkenaan itu ia-lah lenchana, tanda atau lambang tersebut; atau

(b) apa² lenchana, tanda atau lambang yang mengandongi apa² perkataan atau tulisan yang hampir² sama dengan mana² perkataan atau tulisan yang biasa-nya di-guna bagi memperihalkan mana² ahli hingga menjadi boleh memperdaya atau mengelirukan; atau

(c) apa² lenchana, tanda atau lambang yang mengandongi perkataan² “St. John” atau “St. John Ambulan”.

15. Tiada sa-siapa jua, lain daripada Perbadanan atau orang yang di-berikuasa dengan bertulis untok berbuat demikian oleh Perbadanan, boleh menggunakan perkataan “St. John” atau “St. John Ambulan” atau apa² lenchana, tanda atau lambang Perbadanan untok maksud² iklan.

Sekatan atas penggunaan “St. John”, dsb. untok maksud² iklan.

16. Sa-saorang yang melanggar mana² peruntukan Akta ini ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ratus ringgit.

Penalti.

HURAIAN

Rang Undang² ini bermaksud hendak memperbadankan St. John Ambulan Malaysia. Ini ada-lah hasil dari perchantuman antara Persatuan St. John Ambulan dengan Briged St. John Ambulan.

2. Dengan ringkas-nya peruntukan Rang Undang² ini ada-lah saperti berikut:

- (a) *Fasal 3* memperbadankan St. John Ambulan Malaysia dan menyatakan kuasa² Perbadanan;
- (b) *Fasal 4* menyatakan tujuan² Perbadanan;
- (c) *Fasal 5* menyatakan tujuan dan maksud² Perbadanan ia-itu menggalak dan memajukan semua kerja kemanusiaan dan kederawatan atau bantuan bagi orang² dalam kesakitan, kesedehan, penderitaan dan bahaya; memberi pertolongan kepada orang sakit dan chedera dalam peperangan atau keamanan; dan memaju, menggalak dan menyelaraskan kerja Perbadanan dan lain² pertubohan yang sa-umpama-nya di-negara² lain;
- (d) *Fasal 6* mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Majlis untuk mentadbirkan Perbadanan;
- (e) *Fasal 8* mengandongi peruntukan² berhubung dengan daftar ahli²;
- (f) *Fasal 9* memberi kuasa kepada Majlis bagi membuat kaedah² bagi menguruskan Perbadanan;
- (g) *Fasal 10 dan 11* mengadakan peruntukan bagi membubarkan Persatuan dan Briged dan memindahmilk harta dan tanggungan kepada Perbadanan;
- (h) *Fasal 12* menyatakan chara menggunakan pendapatan dan harta Perbadanan;
- (i) *Fasal 13, 14 dan 15* mengadakan peruntukan berkenaan dengan pemilikan yang tidak sah, dan sekatan penjualan dan penggunaan, lenchana², dsb. dan tegahan menggunakan perkataan "St. John" untuk maksud² iklan;
- (j) *Fasal 16* ia-lah peruntukan mengenai penalti.

[PN. (U²) 256.]